

**HUBUNGAN EFIKASI GURU  
MENGUNAKAN KOMSAS DAN PEDAGOGI  
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI  
DENGAN KOMPETENSI PENGAJARAN  
GURU BAHASA MELAYU**

**ROZANI BINTI AHMAD**



**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN TESIS**

**JUDUL: HUBUNGAN EFIKASI GURU MENGGUNAKAN KOMSAS DAN PEDAGOGI KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DENGAN KOMPETENSI PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU**

**IJAZAH: IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENILAIAN DAN KURIKULUM)**

Saya **ROZANI BINTI AHMAD**, sesi **2014-2018**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan **dibenarkan** membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepengtingan, Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




**ROZANI BINTI AHMAD  
DT1321022T**

Tarikh: 20 OGOS 2018

Disahkan Oleh,

  
**NORAZLYNE MOHD. JOHAN @ J. LYNE**  
(Tanda Tangan Pustakawan)  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

  
Dr. Mohd Khairuddin @ Jerry Abdullah  
Penyelia Utama

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

22 MAC 2018



---

Rozani Binti Ahmad  
DT1321022T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : ROZANI BINTI AHMAD  
MATRIC NO. : DT1321022T  
TAJUK : HUBUNGAN EFIKASI GURU MENGGUNAKAN KOMSAS  
DAN PEDAGOGI KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS  
TINGGI DENGAN KOMPETENSI PENGAJARAN GURU  
BAHASA MELAYU  
IJAZAH : IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
(PENILAIAN DAN KURIKULUM)  
TARIKH VIVA : 20 OGOS 2018



DISAHKAN OLEH:

**PENYELIA UTAMA**

Dr. Mohd Khairuddin @ Jerry Bin Abdullah


Tandatangan

**PENYELIA BERSAMA**

Dr. Musirin Bin Mosin

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses menyiapkan tesis ini. Terutama ucapan ribuan terima kasih kepada Dr. Khairudin Abdullah dan Dr. Musirin Mohsin kerana sudi membimbing saya sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan tidak akan saya lupakan dan amat saya hargai. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan yang sentiasa membantu dan memberikan respon yang baik terhadap apa juga perkara yang saya ajukan. Malah telah memberikan komen membina seterusnya menjadi pendorong kepada saya untuk meneruskan kajian ini. Malah, ada yang secara tidak langsung memberi tunjuk ajar dan input-input berguna kepada saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Akhir sekali jutaan terima kasih kepada rakan-rakan PhD yang lain serta pegawai-pegawai Fakulti Psikologi dan Pendidikan atas bantuan dan sokongan yang berterusan.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Rozani Ahmad  
22 Mac 2018

## ABSTRAK

Kajian adalah mengenal pasti efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) iaitu kepercayaan guru terhadap kemampuan mereka menggunakan KOMSAS dan Pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu. Efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu penting bagi membantu guru kepada pengajaran berkesan dalam membina strategi pengajaran kepada menggalakkan penglibatan pelajar dan pembelajaran aktif disamping memberi motivasi dan menerapkan kemahiran berfikir. Pengajaran berkesan adalah petunjuk kepada peningkatan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Kajian menggunakan teknik rawak bertujuan dan rawak mudah iaitu hanya kepada guru Bahasa Melayu sekolah menengah seluruh Sabah. Jumlah sampel kajian adalah seramai 337 responden daripada 2636 jumlah populasi berdasarkan Jadual Persampelan Bartlett *et al.* dan Jadual Persampelan *Krejcie & Morgan*. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan ke atas 130 orang responden, nilai *Cronbach Alpha* bagi kesahan instrumen yang diperolehi bagi setiap pemboleh ubah adalah masing-masing, .965, .960 dan .951. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 21.0 serta SEM PLS. Keputusan kajian menunjukkan tahap efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT serta tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Malah terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Malah, keputusan kajian menunjukkan efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT juga memberi pengaruh terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Kata kunci: *efikasi, kompetensi pengajaran, KOMSAS dan pedagogi kemahiran berfikir aras tinggi*

## **ABSTRACT**

### **TEACHERS EFFICACY USING OF LITERATURE ELEMENT (KOMSAS) AND HIGHER ORDER THINKING SKILLS PEDAGOGY TOWARDS A TEACHING COMPETENCE TO MALAY LANGUAGE TEACHER**

*The purpose of study was to identify the teacher efficacy to apply KOMSAS and Higher Order Thinking Skills (HOTS) which is the teachers beliefs about competencies towards using a KOMSAS and HOTS pedagogy. The teacher efficacy using KOMSAS and HOTS pedagogy in Malay Language teaching is essential to assist teachers in teaching effectively as developed teaching strategies to encourage student's cooperation and active learning as well as motivated and apply thinking skills. Effective teaching were also a hint of improving the teaching efficiency of Malay language teachers in the classroom. The study used random and purposeful random techniques are only to secondary school teachers in Sabah. The total sample of the study was 337 respondents from 2636 total population based on Bartlett et al. sampling schedule and Krejcie & Morgan sampling schedule. This study uses questionnaire as a research instrument. Based on pilot study conducted on 130 respondents, the value of Cronbach Alpha for the validity of the instruments obtained for each variable is respectively .965, .960 and .951. Data were analyzed using SPSS version 21.0 and SEM PLS. The results of the study showed that the level of teacher's efficacy using KOMSAS and HOTS pedagogy as well as the level of teaching competence of Malay Language teachers were at high level. In fact, there is a significant relationship between the teachers efficacy using KOMSAS and HOTS pedagogy with teaching competence. The results of the study also showed that teachers efficacy using KOMSAS and HOTS pedagogy influenced the teaching competence of Malay Language teachers.*

*Keywords: efficacy, teaching competence, KOMSAS, higher order thinking skills pedagogy*



# SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Soalan Kajian	9
1.7 Hipotesis Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Batasan Kajian	12
1.10 Definisi Operasional	14
1.10.1 Efikasi	14
1.10.2 Efikasi Guru Menggunakan KOMSAS	15
1.10.3 Efikasi Guru menggunakan Pedagogi KBAT	16
1.10.4 Kompetensi Pengajaran	17
1.11 Kesimpulan	17



## **BAB 2 : SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	18
2.2	Pengajaran Bahasa Melayu	19
2.3	Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu	22
2.4	Model Kompetensi	28
2.5	Model Kompetensi Pedagogi	35
2.6	Efikasi Guru	39
2.7	Efikasi menggunakan KOMSAS terhadap Kompetensi Pengajaran Bahasa Melayu	40
2.8	Efikasi menggunakan Pedagogi KBAT terhadap Kompetensi Pengajaran Bahasa Melayu	48
2.9	Kajian-kajian Lepas	56
2.10	Kerangka Konsep Kajian	63
2.11	Kerangka Teoritikal Kajian	64
2.12	Kesimpulan	66

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	67
3.2	Reka Bentuk Kajian	68
3.3	Lokasi Kajian	70
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	71
3.5	Instrumen Kajian	75
3.5.1	Pembinaan Soal Selidik	76
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	77
3.6.1	Analisis Faktor	82
3.7	Pengumpulan Data	84
3.8	Penganalisan Data	85
3.9	Kesimpulan	87

## **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	88
4.2	Latar Belakang dan Pemerihalan Responden	89
4.3	Analisis Demografi Responden	89
4.3.1	Analisis Demografi Responden mengikut Lokasi	89
4.3.2	Analisis Demografi Responden mengikut Jantina	90
4.4	Analisis Taburan Normal Data Kajian	90

4.5	Analisis Data Deskriptif	92
4.5.1	Tahap Efikasi Guru Menggunakan KOMSAS dan Pedagogi KBAT	92
4.5.2	Tahap Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu	97
4.6	Analisis Statistik Inferensi	100
4.6.1	Hubungan Efikasi Guru Menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi Pengajaran	101
4.6.2	Hubungan Efikasi Guru Menggunakan Pedagogi KBAT dengan Kompetensi Pengajaran	102
4.6.3	Pengaruh Efikasi Menggunakan KOMSAS dan Pedagogi KBAT dengan Kompetensi Pengajaran	104
4.6.4	Kesesuaian Model dengan Data Kajian	107
4.7	Kesimpulan	109

## **BAB 5 : PERBINCANGAN DAN PENUTUP**

5.1	Pengenalan	110
5.2	Rumusan	111
5.3	Perbincangan	114
5.3.1	Tahap Efikasi Guru Menggunakan KOMSAS	114
5.3.2	Tahap Efikasi Guru Menggunakan Pedagogi KBAT	118
5.3.3	Tahap Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu	123
5.3.4	Hubungan Efikasi Menggunakan KOMSAS dan Pedagogi KBAT dengan Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu	125
5.3.5	Pengaruh KOMSAS dan pedagogi KBAT terhadap Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu	128
5.3.6	Kesesuaian Model Konseptual dibina dengan Data Kajian	130
5.4	Implikasi Kajian	131
5.5	Cadangan	137
5.6	Penutup	140

<b>BIBLIOGRAFI</b>	142
--------------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	166
-----------------	-----

## SENARAI JADUAL

### Halaman

Jadual 3.1	Pemboleh Ubah Kajian	70
Jadual 3.2	Taburan Bilangan PPD dan Sekolah	71
Jadual 3.3	Taburan Bilangan Sekolah dan Guru Bahasa Melayu	72
Jadual 3.4	Jadual Penentuan Saiz Sampel Bartlett <i>et al</i> / 2001	73
Jadual 3.5	Taburan Populasi dan Sampel	75
Jadual 3.6	Nilai Alpha Cronbach bagi Instrumen Efikasi menggunakan KOMSAS	78
Jadual 3.7	Nilai Ujian Normaliti bagi Item Efikasi menggunakan KOMSAS	78
Jadual 3.8	Nilai Alpha Cronbach bagi Instrumen Efikasi menggunakan Pedagogi KBAT	79
Jadual 3.9	Nilai Ujian Normaliti bagi Item Efikasi menggunakan Pedagogi KBAT	80
Jadual 3.10	Nilai Alpha Cronbach bagi Instrumen Kompetensi Pengajaran	81
Jadual 3.11	Nilai Ujian Normaliti bagi Item Kompetensi Pengajaran	81
Jadual 3.12	Min Skala Likert Mengikut Lima Tahap	86
Jadual 3.13	Jadual Kekuatan Korelasi berdasarkan Saiz Pekali Korelasi	86
Jadual 3.14	Jadual Penganalisisan Data	87
Jadual 4.1	Taburan Responden mengikut Lokasi	89
Jadual 4.2	Taburan Responden mengikut Jantina	90
Jadual 4.3	Analisis Kenormalan bagi Variabel Kajian	91
Jadual 4.4	Keputusan Ujian Kenormalan bagi Variabel Kajian	91
Jadual 4.5	Keputusan Skor Min bagi Variabel Kajian	92
Jadual 4.6	Keputusan Skor Min bagi Dimensi Variabel Kajian	93
Jadual 4.7	(a) Taburan Min Item Efikasi menggunakan KOMSAS	93
	(b) Taburan Min Item Efikasi menggunakan Pedagogi KBAT	95
Jadual 4.8	Keputusan Skor Min bagi Kompetensi Pengajaran	97
Jadual 4.9	Keputusan Skor Min bagi Dimensi Kompetensi Pengajaran	98
Jadual 4.10	Taburan Min Item Kompetensi Pengajaran	98
Jadual 4.11	Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Efikasi Menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu	101
Jadual 4.12	Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Efikasi Menggunakan Pedagogi KBAT dengan Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu	103
Jadual 4.13	(a) Model Summary	104
	(b) Anova	104
	(c) Coefficients	105
Jadual 4.14	Jadual Pengaruh Variabel Kajian	106
Jadual 4.15	Estimates of The Measurement Model	107
Jadual 4.16	Path Coefficients	107

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Model Kompetensi <i>Iceberg</i>	28
Rajah 2.2	Model Kompetensi Pedagogi	37
Rajah 2.3	Konsep Penerapan KBAT dalam PdP Guru	49
Rajah 2.4	Kerangka Konseptual Kajian	64
Rajah 2.5	Kerangka Teoritikal Kajian	65
Rajah 3.1	Graf Taburan Normal Instrumen Efikasi menggunakan KOMSAS	78
Rajah 3.2	Graf Taburan Normal Instrumen Efikasi menggunakan Pedagogi KBAT	80
Rajah 3.3	Graf Taburan Normal Instrumen Kompetensi Pengajaran	82
Rajah 4.1	Scatterplot bagi Hubungan Efikasi Menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi Pengajaran Guru	102
Rajah 4.2	Scatterplot bagi Hubungan Efikasi Menggunakan Pedagogi KBAT dengan Kompetensi Pengajaran Guru	103
Rajah 4.3	Kesesuaian Model Konseptual Kajian dengan Data Kajian	108



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI SINGKATAN

## Singkatan

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
EPRD	<i>Educational Planning and Research Division</i>
SPSS	<i>Statistic Package For Social Science</i>
$r$	<i>Related Correlation</i> atau Nilai Korelasi
%	Peratus
Sd	<i>Standard Deviations</i> atau Sisihan Piawai
<	lebih kecil daripada
>	lebih besar daripada
sig	Signifikan
H <sub>0</sub>	Hipotesis Nol
N	Jumlah Sampel



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Halaman</b>
<b>Lampiran A</b>	169
Borang Soal Selidik	
<b>Lampiran B</b>	176
a. Hasil Ujian Korelasi	
b. Hasil Ujian Regresi	
c. SEM PLS	
<b>Lampiran C</b>	183
a. Pengesahan Instrumen	
b. Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Di Sekolah	
c. Muka Depan Penerbitan Jurnal	
d. Sijil Penyertaan Pembentangan Seminar Dan Conference	



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Gelombang Pendidikan Abad 21 menyaksikan perubahan besar dalam sejarah pendidikan Malaysia selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Sorotan objektif PPPM 2013-2025, maka dasar pendidikan kebangsaan telah ditelusuri semula, antaranya memperlihatkan kedudukan dan peranan Bahasa Melayu yang masih unggul sebagai bahasa pendidikan. Pendidikan Bahasa Melayu menurut Awang Sariyan (Dewan Bahasa, Mei 2012), bukanlah bidang eksklusif semata-mata, tetapi juga sesuatu yang pragmatis, iaitu tidak sekadar memberi maklumat atau fakta bahasa sahaja. Namun, pendidikan bahasa juga lebih berperanan kepada mendukung kualiti guru meningkatkan kemahiran bahasa dan berbahasa murid demi pembangunan modal insan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2013), menekankan bahawa guru-guru Abad Ke-21 harus berupaya dalam menguruskan pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) kerana kualiti guru dinilai daripada keberhasilan pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Justeru, Gelombang 1, PPPM 2013-2025 menekankan penambahbaikan terhadap kualiti pengajaran guru serta kadar literasi Bahasa Melayu. KPM (2013) turut menekankan bahawa kompetensi pengajaran guru adalah penentu prestasi pencapaian murid di peringkat sekolah. Justeru, kementerian dalam pelan tindakannya untuk mentransformasi profesion keguruan menyediakan satu instrumen penilaian guru yang menyatakan dengan jelas kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru. Kompetensi guru tersebut merentas empat dimensi, yang salah satunya adalah dimensi pembelajaran dan



pemudahcaraan. Dalam instrumen penilaian kompetensi guru yang baharu itu mencadangkan agar 60% daripada skor penilaian adalah berdasarkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan guru (KPM, 2014). Penilaian adalah terhadap kompetensi guru merancang, melaksana dan mentaksir pengajarannya secara berterusan. Malah, berupaya mengurus bilik darjah supaya bukan sahaja dapat melahirkan murid cemerlang mata pelajaran, tetapi juga cemerlang sahsiah.

Guru Bahasa Melayu perlu melakukan perancangan pengajaran sebaiknya dengan mengambil kira bahan dan pedagogi sebagai pendekatan yang diperlukan dalam pengajaran. Semasa pelaksanaan pengajaran, guru Bahasa Melayu diingatkan supaya mampu menggunakan bahan dan pedagogi pengajaran yang dapat menarik perhatian dan merangsang minat belajar murid. Malah, semasa pentaksiran pengajaran, teknik penyoalan aras tinggi adalah lebih digalakkan bagi meningkatkan kemahiran berfikir murid dan memudahkan penilaian kompetensi guru terhadap keupayaan mentaksir pengajaran. Penekanan aspek guru, bahan pengajaran dan penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran Bahasa Melayu telah awal disyorkan melalui Laporan Jawatankuasa Bullock (1975) dan kemudian dititik beratkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (2016) serta terbaru dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Penekanan aspek guru, bahan dan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi adalah penting terhadap pencapaian Bahasa Melayu murid. Hal ini kerana, merujuk laporan pencapaian Bahasa Melayu bagi Sijil Pelajaran Malaysia di Sabah, nilai gred purata mata pelajaran (GPMP) adalah kekal rendah dan tidak menunjukkan perubahan besar sepanjang lima tahun terkini (2012-2016). Laporan yang diperolehi menunjukkan pencapaian GPMP Bahasa Melayu di Sabah hanya berlaku peningkatan yang sangat sedikit setiap tahun iaitu 4.92 (2012), 4.85 (2013) dan 4.7 (2014). Malah, menurun kepada 4.84 pada tahun 2015 dan hanya meningkat dengan nilai 0.02 iaitu GPMP 4.82 sahaja pada tahun 2016. Peningkatan ini hampir

tidak berubah dan tidak menunjukkan sebarang kesan optimum daripada sesi pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah.

Pencapaian rendah ini ada kaitan juga dengan kelemahan kemahiran berfikir murid untuk menyampai dan mengembangkan idea dalam penulisan Bahasa Melayu. Buktinya, Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) bagi tahun 2012 melaporkan bahawa Malaysia menduduki tempat ke-53 daripada 65 buah Negara dalam penilaian ketidakupayaan kemahiran berfikir murid. Sehingga tahun 2015, laporan PISA turut menunjukkan literasi bacaan murid di Malaysia hanya mencapai aras dua iaitu murid hanya mampu memahami hubungan dan memberi maksud sesuatu situasi. Keputusan ini menunjukkan murid di Malaysia masih jauh untuk mencapai aras enam iaitu mampu membuat pelbagai kesimpulan, hipotesis dan aplikasi. Jelasnya, murid di Malaysia umumnya tidak mencapai tahap kemahiran berfikir aras tinggi yang sepatutnya telah diterap lebih awal dari peringkat sekolah rendah lagi.

Justeru, dalam situasi ini, guru adalah insan paling memberi pengaruh kepada meneraju objektif pencapaian keputusan Bahasa Melayu yang cemerlang. Guru sebagai model kepada murid perlu menggunakan bahasa secara lebih tepat, jelas dan mudah difahami dengan menggunakan laras bahasa yang betul (KPM, 1990). Keputusan audit terhadap 11 buah negara Asian oleh SIREP (2010), Standard guru di Malaysia menurut Malaysian Education Development Plan (MEDP) 2001-2010, telah menasaskan peningkatan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berdasarkan kekuatan sikap guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bagi menilai kualiti pengajaran guru. Standard Guru Malaysia juga memaparkan bahawa salah satu domain dalam set standard tersebut ialah kompetensi pengajaran. Hal ini dapat mengubah corak penyampaian pengajaran guru di bilik darjah. Dalam pada itu, Walsh (2001) dan Omardin Ashaari (2002), menjelaskan bahawa pencapaian akademik berkait rapat dengan kompetensi pengajaran guru yang akan mempengaruhi minat belajar murid supaya memberi kesan positif terhadap pencapaian mereka. Justeru, timbul persoalan apakah tahap kompetensi

pengajaran guru Bahasa Melayu? Hal ini kerana, berdasarkan kajian Ghazali Yusri *et al.* (2010), antara faktor kelemahan murid adalah berhubung kait dengan faktor kompetensi pengajaran guru iaitu kemahiran guru mengajar, menguasai selok belok bahasa dan personiliti guru bahasa tersebut. Malah, Chetty *et al.* (2012) membuktikan bahawa sedikit penambahbaikan mutu pengajaran guru di bilik darjah akan memberi pengaruh signifikan terhadap anjakan prestasi murid. Oleh yang demikian, perlu dibuat satu kajian tentang tahap kompetensi pengajaran guru bahasa Melayu memandangkan prestasi murid menurut KPM (2013), ada kaitan dengan kompetensi guru terutama dalam konteks kompetensi pengajaran ketika merancang, melaksana dan mentaksir pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah. Penilaian kajian adalah melihat kepada persepsi guru terhadap kemampuan mereka mengajar di dalam bilik darjah.

Perbincangan kompetensi pengajaran ini tidak lengkap tanpa turut membincangkan efikasi guru. Khususnya dalam kajian ini, pengkaji menilai persepsi guru terhadap kemampuan mereka mengajar. Maka, adalah relevan dibuat kajian efikasi guru juga, dengan menilai kepercayaan guru terhadap kemampuan diri untuk mengajar Bahasa Melayu dalam bilik darjah. Kedua-dua pemboleh ubah ini saling berkaitan dan efikasi sebenarnya memberi kesan langsung terhadap tercapainya tujuan pembelajaran dan pemudahcaraan. Bandura (1997) menjelaskan bahawa salah satu daripada empat aspek berkaitan efikasi guru adalah pengalaman keberhasilan iaitu berkaitan keyakinan diri terhadap kompetensi diri. Kajian-kajian awal oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) dan Hoy dan Hoy (2006) juga menunjukkan bahawa efikasi iaitu kepercayaan diri yang tinggi terhadap kebolehan diri akan menggerakkan usaha, prestasi dan komitmen dalam pengajaran di bilik darjah. Malah, Mohd Yusri dan Aziz (2014) dalam kajiannya yang menjadikan efikasi guru sebagai mediator kajian, menunjukkan bahawa efikasi guru mempunyai hubungan positif dengan kompetensi pengajaran guru di bilik darjah.

Selain itu, efikasi guru juga merujuk kepada kepercayaan terhadap kompetensi guru yang memberi kesan terhadap pencapaian murid (Tschannen-

Moran & Hoy, 2001). Malah, efikasi guru dapat diperihalkan kepada dua faktor iaitu pencapaian murid dan pengurusan kelas untuk menilai efikasi guru. Guru dengan efikasi tinggi lebih berkeupayaan untuk menjalankan tugas mengajar dengan berkesan walau dalam pelbagai situasi (Tournaki & Podell, 2005). Jelasnya, efikasi guru adalah kepercayaan atau keyakinan guru mengenai sejauh mana dia mampu menjalankan tugas, mencapai tujuan dan merancang tindakan untuk mencapai matlamat pengajarannya. Maka, efikasi dalam kajian ini adalah berfokus pada efikasi guru terhadap pendekatan pengajaran yang dipilih, terutama bahan dan pedagogi guru. Hal ini kerana, bahan dan pedagogi pengajaran adalah perkara penting perlu ada dalam proses membantu guru lebih mudah mengajar. Sehubungan itu, guru perlu menggunakan pendekatan yang terbukti efektif seperti bahan KOMSAS dan pedagogi KBAT yang dapat menggalakkan murid kepada proses belajar Bahasa Melayu.

Bahan dan pedagogi ini sememangnya telah dicadangkan oleh Laporan Bullock, dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Selaras dengan itu, beberapa kajian seperti oleh Rosnani (2003), Rajendran (2008), Chew Fong Peng (2014) dan Siti Nadia (2015) mencadangkan agar guru diberi lebih banyak kursus dan latihan kepada pendedahan menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT sebagai pendekatan dalam pengajaran. Kursus dan latihan seumpama ini mampu meningkatkan lagi efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Tahap efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT harus dinilai bagi mengesan pengaruh efikasi guru tersebut terhadap meningkatkan kompetensi pengajaran di bilik darjah.

KOMSAS merupakan bahan pengajaran utama yang disyorkan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu. KOMSAS adalah bahan pengajaran yang terdiri daripada beberapa karya sastera terpilih daripada pelbagai genre. Bahan sastera ini merupakan agen yang dapat membantu guru menyampaikan pengajaran Bahasa Melayu secara lebih mudah dan berkesan bagi mengembangkan kemahiran bahasa dan berbahasa murid. Bukan sahaja kajian di Barat oleh Khatib *et al.* (2011) dan



Shazu (2014), malah kajian Sharmini (2004), Nik Hassan Basri (2010) dan Chew dan Shashipriya (2014) di Malaysia juga, mencadangkan agar bahan sastera harus diperkenalkan dalam pengajaran bahasa. Hal ini kerana, strategi pengajaran Bahasa Melayu menggunakan KOMSAS, akan lebih memudahkan guru mengurus pengajaran mereka di bilik darjah, kreatif dalam memilih dan mempelbagaikan pengajaran agar lebih menarik minat murid. Malah, guru akan dapat mendorong murid untuk bertanya, membuat inferens, ramalan serta melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu.

Manakala, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan sukatan pelajaran bahasa Melayu sangat menekankan keperluan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran guru di bilik darjah. Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi adalah dengan menggunakan pedagogi KBAT merangkumi pedagogi interaktif dan strategi metakognitif. Pedagogi KBAT amat penting dalam pengajaran Bahasa Melayu khususnya kerana menurut Rajendran (2008), antara faktor yang menggalakkan proses pengajaran berkesan adalah dengan guru mengajar kemahiran berfikir. Pengajaran menggunakan pedagogi KBAT akan menyokong inovasi dalam pendidikan terutama kepada pengajaran berpusat murid dan penglibatan aktif murid. Selaras kepentingan KOMSAS dan pedagogi KBAT dalam membantu pengajaran berkesan guru Bahasa Melayu, maka kajian efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT harus diberi perhatian.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian efikasi adalah perlu memandangkan kajian-kajian sebelum ini oleh Mohd Khairulfaizi (2003), Halim Yaakub (2014) dan Abdul Rashid Jamian *et al.* (2014), terhadap bahan KOMSAS hanya berfokus kepada bagaimana KOMSAS dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa dan berbahasa murid serta merangsang minat belajar murid. Manakala, kajian berkaitan efikasi guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu pula masih belum diterokai secara mendalam oleh para pengkaji. Justeru, timbul persoalan apakah

tahap efikasi guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu? Kajian juga perlu memandangkan kajian-kajian oleh Muliana Tanah (2011), Rozita Radhiah dan Abdul Rashid (2012) dan Abdul Rashid Jamian (2016) menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu lebih cenderung memilih pendekatan pengajaran berpusatkan guru dan cenderung terhadap amalan pengajaran tradisional dengan cara syarahan. Guru mengabaikan pola interaksi antara guru dengan murid sehingga menyebabkan pengajaran guru Bahasa Melayu agak membosankan dan tidak menyeronokkan murid. Hal ini kerana, kemungkinan guru menghadapi masalah terhadap keyakinannya menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran. Justeru, kajian ini dipercayai mampu membolehkan guru lebih berusaha dan berkomitmen menggunakan KOMSAS untuk menjadikan pengajaran lebih berpusat guru, dua hala, seronok dan menarik minat murid.

Selain penggunaan bahan pengajaran, efikasi guru menggunakan pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu juga adalah perlu. Kajian oleh Sharifah Nor *et al.* (2012), Rozita dan Abdul Rashid (2012), Zamri (2014) dan Tengku Fairus (2015) membuktikan bahawa cabaran paling besar guru dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran Bahasa Melayu adalah kegagalan guru merangsang kemahiran berfikir secara berkesan dalam pengajaran seharian. Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu juga tidak menekankan kemahiran berfikir seperti penyoalan, perbincangan dan inkuiri penemuan. Proses pembelajaran dan pemudahcaraan seperti ini kurang dan tidak menyokong penguasaan kemahiran berfikir murid. Maka, timbul persoalan, apakah tahap efikasi guru menggunakan pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu? Kajian perlu memandangkan kajian-kajian sebelum ini seperti oleh Zamri Mahamod (2015) dan Anisah dan Ruslin (2016), hanya menghadkan tinjauan kajian terhadap pengetahuan, kesediaan dan sikap murid terhadap KBAT serta keserasian gaya pembelajaran dengan penerapan KBAT dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu.

Justeru, berkaitan masalah kompetensi pengajaran yang berpusat guru, tidak menyeronokkan serta kurang menerapkan kemahiran berfikir, berkemungkinan ada kaitan dengan tahap efikasi guru menggunakan KOMSAS dan

pedagogi KBAT. Sejar dapat kajian oleh Suparlan (2006) bahawa antara kompetensi pengajaran yang paling minimum harus dimiliki oleh guru adalah penguasaan terhadap bahan pengajaran dan pelaksanaan penilaian seperti penerapan KBAT dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Oleh yang demikian, timbul persoalan adakah terdapat hubungan antara efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu? Hal ini kerana, kajian oleh Abdul Rashid Jamian *et al.* (2012) dan Saemah dan Zamri (2017) mendapati penggunaan bahan KOMSAS dan pedagogi KBAT, membolehkan guru merancang dan melaksana pengajaran yang dapat menggalakkan percambahan idea kreatif untuk memotivasi murid dalam penulisan karangan. Zamri (2014) turut mendapati bahawa kejayaan dan kecemerlangan pengajaran guru tidak akan menjadi kenyataan jika guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil kira aspek penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran.

Tuntasnya, kajian terhadap aspek efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT adalah tepat dan perlu bagi membantu membangunkan lagi kompetensi guru dalam amalan pengajaran di bilik darjah. Kajian diharap dapat membantu guru merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran dengan lebih baik sebagai antara aspek yang perlu dinilai dalam kompetensi pengajaran guru. Perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran pengajaran akan menyokong terhadap pengajaran yang dapat menggalakkan pembelajaran aktif, berpusat murid, menerapkan kemahiran berfikir dan memotivasikan murid.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini jelasnya untuk mengenal pasti efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu di bilik darjah. Tahap efikasi guru tersebut penting kepada mengenal pasti kepercayaan guru terhadap kemampuannya menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT bagi menggalakkan pembelajaran aktif, penerapan kemahiran berfikir dan mengurus bilik darjah. Seterusnya, kajian akan berfokus kepada menentukan pengaruh efikasi



guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu di Sabah. Kepentingannya adalah untuk memastikan samada efikasi guru ini mempunyai hubungan dan memberi pengaruh terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu mengikut persepsi mereka. Beberapa teori digunapakai dalam menyokong kajian efikasi menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT sebagai pendekatan pengajaran serta hubungannya dalam meningkatkan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik darjah.

## **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:

- i. Menenal pasti tahap efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu.
- ii. Menenal pasti tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.
- iii. Menenal pasti hubungan antara efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.
- iv. Menenal pasti pengaruh antara efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.
- v. Menenal pasti kesesuaian model konseptual kajian yang dibina dengan data kajian.

## **1.6 Soalan Kajian**

Soalan kajian ini adalah:

- i. Apakah tahap efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu?
- ii. Apakah tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu?
- iv. Adakah terdapat pengaruh antara efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu?
- v. Adakah model konseptual kajian yang dibina sesuai dengan data kajian?

## 1.7 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis kajian yang dibina dalam kajian ini, iaitu:

- Ho<sub>1</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi guru menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.
- Ho<sub>2</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi guru menggunakan pedagogi KBAT dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.
- Ho<sub>3</sub> Tidak terdapat pengaruh yang signifikan efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.
- Ho<sub>4</sub> Tidak terdapat kesesuaian model konseptual kajian yang dibina dengan data kajian.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Amir Salleh (2010) menyatakan bahawa, setiap kajian dan penyelidikan yang dijalankan diharap dapat memberi kesedaran tentang kepentingan penyelidikan pendidikan dan amalan membudayakan penyelidikan dalam konteks membina, menyebarkan, berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan pendidikan demi kecemerlangan pendidikan negara ini. Beliau turut menambah, kerja-kerja penyelidikan juga semakin diakui kepentingannya oleh pelbagai lapisan pendidik, khususnya kumpulan guru yang terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah, para pengurus pendidikan dan para perancang pendidikan. Melihat kecenderungan tersebut, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh efikasi guru menggunakan KOMSAS dan pedagogi KBAT terhadap kompetensi pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Kompetensi pengajaran dalam kajian ini merujuk kepada persepsi guru terhadap kemampuan mengajar Bahasa Melayu yang lebih menyeronokkan, berpusat murid dan menerap kemahiran berfikir.

Kajian ini khususnya lebih berkepentingan untuk meningkatkan pengetahuan pengkaji tentang keperluan efikasi guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kepentingan mengetahui keperluan efikasi dalam pengajaran adalah